



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 14 MAC 2024 (KHAMIS)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• SEDIA 1,560 PETAK NIAGA BAZAR • MUTU PERKHIDMATAN SEIRING ANUGERAH, TANGANI MASALAH TANPA TUNGGU ADUAN • JALAN SAMBUNG BANTU SURAI TRAFIK • MBSJ, PERKEMAS FC RAMPAS TAKHTA LIGA

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBDK MBPJ MPAJ MPSepang MPKL MDSB	• DNS LULUS RUU ENAKMEN MBDK • TERUSKAN TAJAAN PELARI MENARA • SARAN TERUSKAN INISIATIF IBU BEKERJA • PROJEK TANAM PADI DALAM BANDAR • MPKL RAIH ANUGERAH EMAS INTEGRITI • KOMPAUN PREMIS GAGAL PATUH ARAHAN
2.	THE STAR	MBSA DBKL	• ATHLETICS TRAINING • COUNCIL MATTERS • DBKL TAKES ACTION AGAINST TOUTS AND ILLEGAL NIGHTCLUBS

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• SALUR BANTUAN UNTUK RUMAH IBADAT • HARGAI PENJAWAT AWAM CEMERLANG • 1,000 PENGUAT KUASA PANTAU BAZAR • BINA 200,000 RUMAH MENJELANG 2029
2.	THE STAR	• MEANS TO ACHIEVE GENDER EQUALITY IN THE WORKFORCE • HEALTH RISKS RISE WITH TEMPERATURE
3.	SINAR HARIAN	• BUKAN SENGAJA NAIKKAN HARGA • PENIAGA AKUI BILANGAN PENGUNJUNG BERKURANGAN
4.	KOSMO	• RINGGIT CECAH PARAS 4.50 AKHIR TAHUN INI
5.	HARIAN METRO	• 92% UTAMAKAN HARGA SEBELUM LIHAT KUALITI
6.	BERITA HARIAN	• MTUC DESAK SEGERA UMUM KADAR GAJI MINIMUM BAHARU • ROMBAKAN SKIM PENCEN ELAK LEDAKAN PERBELANJAAN NEGARA
7.	UTUSAN MALAYSIA	• 800,000 PENGUNJUNG BAKAL SERBU FESTIVAL RAMADAN PUTRAJAYA
8.	THE SUN	• SELANGOR INKS DEAL TO DRAW EUROPEAN TOURISTS



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

Sedia 1,560 petak niaga bazar

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menyediakan 1,560 petak niaga bazar Ramadan di 25 lokasi tahun ini.

Pengarah Jabatan Korporat dan Pengu-rusan Strategik Muhammad Azli Miswan berkata pihaknya turut meneruskan inisiatif hijau di bazar Ramadan bagi memastikan kelestarian alam sekitar.

"Inisiatif tersebut adalah kempen peng-umpulan minyak masak terpakai dengan ker-jasama Petronas Dagangan Berhad di empat bazar Ramadan terpilih iaitu di USJ 4, Subang Jaya, BK5, Bandar Kinrara, Taman Puchong Pri-ma dan Taman Puncak Jalil, Seri Kembangan.

"Program kutipan dilaksana setiap Sabtu bermula jam 5 petang hingga 7 malam dan peniaga yang mengambil bahagian diberi bayaran wang tunai RM3 per kilogram."



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

Mutu perkhidmatan seiring anugerah

Tangani masalah tanpa tunggu aduan

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) memperoleh kutipan hasil RM322.67 juta sepanjang tahun lalu, kata Datuk Bandar Subang Jaya Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim.

Beliau berkata prestasi tersebut membuktikan pihak berkuasa tempatan itu terus berkembang pesat dan mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu kutipan keseluruhan 102 peratus.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak termasuk ahli majlis, ketua jabatan dan warga kerja MBSJ," katanya dalam majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 di sini pada 8 Mac.

Mohd Fauzi berkata kejayaan merangkul 13 anugerah tempatan dan antarabangsa sepanjang tahun lalu perlu seiring mutu perkhidmatan kepada penduduk terutama menyelesaikan aduan mereka.

"Kita perlu mendahului aduan. Cari isu dan penyelesaian (isu) sebelum aduan dibuat. Keluar dari pemikiran dan cara

kerja lama supaya sentiasa memenuhi tuntutan masyarakat."

"Ledakan teknologi maklumat masa kini menjadi cabaran buat semua kakitangan terutama dalam menyelesaikan aduan penduduk dan memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat," katanya.

Tahun lalu, MBSJ merangkul antaranya anugerah emas bagi Anugerah International Convention on QC Cycles (ICQCC) Beijing 2023 dan Anugerah Integrity, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

Jalan sambung bantu surai trafik

SHAH ALAM - Pembukaan jalan sambung antara Persiaran Taman Perindustrian Kinrara dan Jalan BK 5B, Puchong membantu penyuraian kesesakan lalu lintas di Lebuhraya Bukit Jalil.

Majlis Bandaraya Subang Jaya memaklumkan projek jalan sepanjang 230 meter dengan kos lebih RM3 juta itu siap dalam tempoh setahun dan dirasmikan EXCO Mobiliti Ng Sze Han pada 7 Mac.

"Dampak projek ini adalah menyediakan laluan alternatif kepada penduduk setempat dalam membantu mengurangkan kesesakan di sekitar kawasan tersebut.

"Selain itu, ia beri kemudahan dan manfaat kepada kira-kira lebih 100,000 penduduk serta lebih 10,000 permis perumahan dan perniagaan," katanya di Facebook.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

Selangor FC belasah FC Japan Malaysia

MBSJ, Perkemas FC rampas takhta liga

Oleh AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - MBSJ FC merampas kedudukan pendahulu kumpulan A selepas menewaskan UiTM United Lioness 3-1 dalam perlawanan ketiga Liga Super Wanita (WSL 2024) pada 10 Mac.

Dua jaringan Intan Sarah Anisah Zulgaflil dalam tempoh 23 minit diikuti satu gol Steffi Sarge Kaur membantu MBSJ FC mengekalkan rekod tanpa kalah setakat ini.

MBPJ FC naik ke kedudukan kedua dengan tujuh mata selepas membelasah Shah Alam FC Swat 5-0 di Arena

MBSJ, Subang Jaya.

Nurfariya Hanim cemerlang dengan dua gol di babak pertama diikuti jaringan Farahiyah Ridzuan, Malini Nordin sebelum Nurul Nuha melengkapkan hari cemerlang MBPJ FC dengan jaringan kelima pada minit akhir permainan.

Dalam satu lagi perlawanan, Selangor FC memanfaatkan kepincangan FC Japan Malaysia dengan kemenangan besar 7-0 untuk mengutip tiga mata pertama musim ini.

Kemerosotan prestasi FC Japan Malaysia kian terserlah selepas benteng akhir mereka melepaskan 12 gol dalam dua perlawanan.

Sementara itu, impian KL Spicegals untuk melebarkan jurang mata di puncak kumpulan B berkecai selepas tewas mengejut 0-1 kepada Penang Real CJ hasil jaringan Nur Adriana Balqis pada minit ke-26.

Kesempatan itu dimanfaatkan Perkemas FC untuk mengemudi kedudukan teratas dengan kelebihan jaringan selepas menang 2-0 ke atas SA United 2-0 menerusi gol Anis Azreen dan Nur Rosdiana pada 9 Mac.

Turut mencatat kemenangan, SSS Leopard FC yang mudah menewaskan pasukan tercorot Galaxi Girls PJ 3-0 untuk naik ke tangga ketiga mengumpul enam mata.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

Salur bantuan untuk rumah ibadat

SUBANG JAYA - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Kinrara memperuntuk RM31,000 untuk program pengimarah masjid dan surau sempena Ramadan di kawasan berkenaan.

Wakil rakyat Ng Sze Han menjelaskan bantuan kepada 31 masjid dan surau itu bertujuan membantu pengurusan rumah ibadat menganjurkan pelbagai program berman-



faat kepada umat Islam.

"Diharap sumbangan ini mengimarah sambutan Ramadan mengikut program pengurusan masjid dan surau," katanya dalam majlis ramah mesra bersama pengurusan masjid dan surau di Puchong Perdana pada 9 Mac.

Beliau berkata pihaknya juga cuba menyelesaikan beberapa masalah kerosakan kemudahan di masjid dan surau

mengikut keutamaan bagi memastikan keselamatan orang ramai terjamin.

"Kita ambil maklum masalah yang disuarakan wakil pengurusan seperti bumbung bocor, bangunan uzur, anai-anai dan sistem pembesar suara yang perlu diberi perhatian segera.

"Buat masa ini, kita akan melihat keperluan dan keutamaan bagi baik pulih namun akan pastikan keselamatan umat Islam yang menunaikan ibadah di masjid dan surau terjamin," katanya.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

DNS lulus RUU enakmen MBDK

SHAH ALAM - Rang Undang-undang (RUU) Enakmen Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) 2024 diluluskan di Dewan Negeri Selangor, kata EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim.

Menurut Suee Lim, kelulusan itu bagi membenarkan penukaran gelaran selain perkara lain daripada pengurniaan taraf perbandaran kepada bandar raya berkuat kuasa 23 November lalu.

"RUU ini bertujuan menukar gela-

ran perbandaran kepada bandar raya mengikut peruntukan bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

"Oleh itu, RUU ini dibuat dengan tujuan untuk mengekalkan kuasa, kewajiban dan keistimewaan, pemegang jawatan sewaktu taraf perbandaran dinaikkan kepada bandar raya," katanya.

Kelulusan tersebut diumumkan Speaker Dewan Negeri Selangor Lau Weng San selepas dibaca Suee Lim sebanyak tiga

kali pada 6 Mac.

Februari lalu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyempurnakan istiadat pengisytiharan Klang dari perbandaran kepada bandar raya.

Baginda berkenan melafazkan pengisytiharan dan mengumumkan pelantikan Datin Paduka Noraini Roslan sebagai datuk bandar berkuat kuasa 23 November lalu.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

Teruskan tajaan pelari menara

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan pelari menara nombor satu dunia bagi mempromosi bandar raya itu di mata dunia.

Melalui MoU tersebut, MBPJ memberi tajaan RM75,000 kepada Soh Wai Ching bagi meneruskan penyertaan acara itu pada peringkat antarabangsa seterusnya mengekal kejuaraan

sebelum ini.

"MoU diadakan bagi mempromosi bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah bandar pintar, mampan dan berdaya tahan selain menjadi destinasi pelancongan pengunjung dari seluruh dunia.

"Bandar raya ini juga boleh dijadikan pusat latihan larian menara untuk melatih anak muda menceburi bidang ini seterusnya melahirkan ja-

guh larian menara," menurut kenyataan MBPJ.

Persetujuan berkenaan merangkumi pemakaian baju atau jersi berlogo MBPJ dalam setiap pertandingan larian menara dalam dan luar negara selain sesi temu ramah.

Selain itu, Wai Ching juga menjadi duta rasmi kepada MBPJ dan sentiasa mempromosi pihak berkuasa tempatan berkenaan kepada orang ramai.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

3,850 individu terima RM1,000

Saran teruskan inisiatif ibu bekerja

OLEH NAS NORZIELA NASBAH

AMPANG JAYA - Seramai 3,850 ibu bekerja di Selangor menerima insentif MamaKerja berjumlah RM1,000 seorang bagi meringankan beban kos penjagaan anak-anak, kata EXCO pembangunan wanita.

Menjelaskan baki 1,745 pemohon lagi masih diteliti, Anfaal Saari menjelaskan tinjauan mendapati kos penjagaan anak diakui cabaran terbesar bagi ibu bekerja iaitu 61 peratus.

Katanya, 13.7 peratus responden

berpandangan masa kerja tidak anjal menyukarkan kehidupan mereka manakala 13.6 peratus memberi penekanan kepada mutu jagaan dan keselamatan anak-anak.

"Susulan sambutan yang menggalakkan, saya akan cadangkan kepada Dato' Menteri Besar agar Insentif MamaKerja diangkat sebagai program tahunan dalam Belanjawan Negeri 2025," katanya.

Beliau berkata demikian sempena sambutan hari wanita peringkat negeri di Padang Perbandaran Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 10 Mac.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Aiman Athirah Sabu dan Yang Dipertua MPAJ Dr Ani Ahmad.

Anfaal memaklumkan pihaknya akan meneliti amalan terbaik aturan waktu kerja anjal manakala Wanita Berdaya Selangor akan menyediakan garis panduan dan menjalankan program advokasi.

"Saya yakin dan pasti bahawa langkah ini bukan sahaja membantu wanita yang bekerja tetapi juga berupaya menggalakkan golongan berkenaan kembali bekerja," katanya lagi.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

Projek tanam padi dalam bandar

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) melaksanakan projek tanam padi di Kebun Bandar@Cyberjaya bagi mewujudkan suasana desa dalam bandar.

Yang Dipertuanya Dato' Abd Hamid Hussain berkata projek rintis penanaman padi jenis MR297 Siraj yang digerakkan Jabatan Landskap sejak 15 Oktober tahun lalu berkeluasan 450 kaki per segi.

"Projek ini juga mendedahkan generasi kini suasana sawah bendang sekaligus mewujudkan rantai keterjaminan makanan," kata beliau pada 8 Mac.

Abd Hamid turut merancang menambah empat plot petak padi selain menambah baik sistem pengairan moden dan bersepadu bagi menjamin kualiti serta hasil padi.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

MPKL raih anugerah emas integriti

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) menerima Anugerah Emas sempena Majlis Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2023 di Putrajaya pada 29 Februari.

Menurut MPKL di Facebook, AIGA 2023 adalah inisiatif Institut Integriti Malaysia bagi menerap dan memperkasa integriti serta tata kelola baik khususnya dalam organisasi awam dan swasta.

Anugerah itu pengiktirafan dalam pembudayaan amalan integriti, tatakelola dan antirasuah yang lebih cekap selain mengadakan sistem kawalan pengurusan risiko serta pencegahan rasuah.

Penghargaan tersebut disampaikan Menteri Kewangan 2 Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan kepada Yang Dipertua MPKL Dato' Amirul Azizan Abd Rahim.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

Kompaun premis gagal patuh arahan

SHAH ALAM - Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) mengeluarkan 15 kompaun atas pelbagai kesalahan dalam operasi lesen perniagaan sekitar Sungai Besar pada 6 Mac.

Menurut kenyataan, kesalahan tersebut antaranya tiada lesen niaga, mempamer iklan tanpa kebenaran, halangan awam, ubah suai premis tanpa kebenaran dan tidak menjaga kebersihan.

"Sebanyak 42 premis diperiksa dalam operasi melibatkan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran serta Jabatan Penguatkuasaan.

"MDSB menasihati semua pelesen atau pemilik premis perniagaan supaya mematuhi undang-undang dan peraturan pelesenan bagi memastikan persekitaran premis dan perbandaran dalam keadaan kondusif," katanya.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

Hargai penjawat awam cemerlang

SHAH ALAM - Seramai 149 penjawat awam di Selangor menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) manakala 37 pesara pula menerima Anugerah Jasamu Dikenang (AJD).

Mengucapkan tahniah kepada penerima, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berharap anugerah itu membakar semangat mereka untuk berusaha meningkatkan prestasi pada masa depan.

Beliau juga menyifatkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK) sebagai tunjang pengurusan dan pentadbiran kerajaan peringkat negeri yang harus menjadi teladan terbaik.

"PSUK perlu jadi contoh kepada jabatan dan agensi negeri yang lain dalam mengekal piawaian pengurusan berkaliber dan tahap profesionalisme supaya kita menjadi rujukan negeri lain.

"Penting untuk kita memastikan setiap yang dilaksanakan memberi dampak bukan sahaja kepada organisasi tetapi turut menjadi cerminan kepada diri masing-masing," katanya.

Beliau yang diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim menyampaikan semua anugerah berkenaan di sebuah hotel di sini pada 10 Mac.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

1,000 penguat kuasa pantau bazar

SHAH ALAM - Kira-kira 1,000 penguat kuasa Kementerian Kesihatan ditugaskan untuk memantau penyediaan dan kebersihan makanan di bazar Ramadan di seluruh negara sepanjang bulan puasa.

Menterinya Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata kementerian bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan kebersihan makanan dan peniaga mendapatkan

suntikan tifoid.

Beliau menambah pihaknya juga akan menempatkan platform khas kod QR di semua bazar bagi memudahkan orang ramai menyalur aduan berkaitan bazar dalam talian, lapor Bernama.

"Bagi yang membeli, perlu ada pengetahuan dalam mengenal pasti mutu dan keselamatan makanan yang disediakan seperti memerhati keadaan fizikal dan menghidu makanan terse-

but," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Wellnes Hub Terengganu di pekara-angan Klinik Kesihatan Seberang Takir di Kuala Nerus, Terengganu pada 9 Mac.

Menggalakkan pengunjung memakai pelitup muka, Dzulkefly mengingatkan orang ramai supaya tidak berada di tempat sesak atau ke bazar jika tidak sihat atau mengalami gejala seperti batuk.



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 MAC 2024

www.selangorkini.my

Bina 200,000 rumah menjelang 2029

SHAH ALAM - Lebih 200,000 unit Rumah Selangorku akan dibina menjelang 2029, kata EXCO Perumahan Borhan Aman Shah.

Beliau memberitahu sebanyak 40,951 unit dijangka dilancar pada tahun ini manakala 17,225 unit lagi dalam pembinaan bertujuan membantu lebih ramai penduduk memiliki kediaman selesa.

"Pembinaan sekarang sebanyak 17,225 unit diikuti lebih 12,000 dalam masa terdekat. Pada hujung tahun ini, kita sasar capai 40,951 unit. Ini matlamat untuk menyediakan rumah mampu milik.

"Kita ada dasar Rumah Selangorku dan Rumah Idaman yang mahu memberi ke-selesaian kepada rakyat," katanya ketika menjawab soalan dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 6 Mac.

Tambah Borhan, Kerajaan Negeri menyediakan tujuh inisiatif perumahan melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor antaranya Rumah Selangorku, Insentif Galakan Pembinaan Rumah Mampu Milik dan Skim Ceria.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata dasar perumahan mampu milik bertujuan memastikan setiap rakyat memiliki kediaman selesa dan selamat.

ATHLETICS TRAINING

Shah Alam City Council (MBSA) and Kelab Olahraga Shah Alam are collaborating for an athletics development programme. The Shah Alam Track and Field Academy offers training by qualified coaches in categories such as sprints (100m to 400m), long distance running (800m and above), hurdles, walks, long and triple jumps, shot put, discus and javelin. It is held on Mondays and Thursdays, from 5pm to 6.15pm, at Shah Alam National Sports Complex (Panasonic Stadium). The programme starts on April 22 and costs RM50 per month. It is open to school-going children and adults aged 18 and above. For details, WhatsApp 019-2021 220 or email athleticsshahalam@gmail.com. To register, visit <https://tinyurl.com/ysr9a9f7>

THE STAR

Tarikh: 14 MAR 2024

COUNCIL MATTERS

> Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is activating a trial run of traffic lights at the Bulatan Dato Onn roundabout until April 7. Motorists must adhere to the traffic light signals and instructions from the traffic police. For details, call 03-2028 2280 or email jpb@dbkl.gov.my

> The Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) is organising a collection drive for used clothing. The items can be dropped off at the bins placed at Pusat Kitar Semula MPAJ, Jalan Kolam Ayer Lama or Menara MPAJ in Pandan Indah, Mondays to Fridays from 9am - 4pm. For details, call 03-4285 7044 or WhatsApp to 017-2948 155.

THE STAR

Tarikh: 14 MAR 2024



DBKL enforcement officers seizing music equipment from a nightclub during the raid.



DBKL apprehended several parking touts operating in Kuala Lumpur during Ops Jaga.

DBKL takes action against touts and illegal nightclubs

A PARKING tout operating in Kuala Lumpur was sentenced to 30 days in jail by the Magistrate's Court following a series of Kuala Lumpur City Hall's (DBKL) raids in the city centre.

Four other individuals were sentenced to 14-day jail, while three were fined for operating as parking touts.

DBKL, in a statement, said a special ops team from its Enforcement Department conducted its fourth "Ops Jaga" this year at Jalan Tun Sambanthan, Jalan Sri Hartamas, Jalan Beremi, Jalan Tengkat Tong Shin, Jalan Alor and Jalan Raja Alang on March 7.

"Through DBKL's monitoring

and investigation at the hotspot areas, individuals were found collecting parking fees without approval at public areas.

"This included the roadside, sidewalks and parking lots both in the day and at night," DBKL said in a press statement.

Those found committing the offence included three Malaysians and five foreigners.

"The individuals were brought to the DBKL Enforcement Department for processing and investigation papers were opened.

"Enforcement action was taken under Section 50(3) of the Road Transport Act 1987," said DBKL.

In January, DBKL issued a

statement saying there were 11 licensed car jockey parking facilities in Kuala Lumpur.

DBKL, in another raid with the Customs Department and Kuala Lumpur Immigration Department, carried out enforcement action against nightclubs and other entertainment premises on March 9.

The outlets were located on Jalan Sungai Besi and Jalan Metro Pudu in the city.

During the raid, one business premises was ordered to cease operations as it was found to be operating without a valid licence.

DBKL also seized the illegal nightclub's equipment and opened an investigation paper

under Section 4(1)(b) of the Entertainment Act 1992 for operating an entertainment business without licence.

"Music equipment, such as record turntables and microphones, were among the items seized.

"The seized items have been brought to DBKL's storage facility in Taman Miharja for processing and documentation," the local authority said.

DBKL added that such enforcement actions would be carried out from time to time in Kuala Lumpur.

The public can channel any information via its complaint website adukl.dbkl.gov.my

THE STAR

14 MAR 2024

Tarikh:.....

Means to achieve gender equality in the workforce

14/2/24
Am

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim recently announced that the government was mulling the adoption of flexible or shorter working hours for women in the civil service to enable them to better care for their families.

He said the proposed flexibility might involve working reduced hours with potentially lower pay, but it would enable women to balance familial obligations without completely sacrificing their careers.

This has ignited debate on whether adopting flexible working hours would genuinely empower women or merely reinforce the existing gender norms as the assumption is that women still bear the primary responsibility for childcare.

Although flexible working arrangements may provide temporary relief for women juggling work and caregiving, they fail to tackle the root causes of gender inequality in the workplace.

By perpetuating traditional gender roles and stereotypes, it risks further marginalising women and deepening economic disparities.

Malaysia ranked disappointingly low at 102nd among 146 surveyed countries in the World Economic Forum's Global Gender Gap Report 2023, trailing behind all but one of our Asean neighbours.

This underscores the urgent need for innovative solutions to



Comprehensive solutions needed: Instead of perpetuating traditional gender roles, policies should focus on redistributing childcare responsibilities more equitably between partners and providing affordable and accessible childcare services for all families.

promote gender equality in the workforce.

In Malaysia, as in many other countries, women bear a disproportionate burden of childcare responsibilities. The Khazanah Research Institute (KRI) pilot Time Use Study in 2018 found that Malaysian women spent an average of 3.6 hours (15.2%) on unpaid care work compared to men's 2.2 hours (9.3%).

Shorter working hours aside, there is a pressing need for comprehensive childcare policies that support working parents regardless of gender. Sustainable solutions should focus on redistribut-

ing childcare responsibilities more equitably between partners, encouraging greater paternal involvement in caregiving, and providing affordable and accessible childcare services for all families.

It is imperative to acknowledge that achieving gender equality in the Malaysian workforce demands systemic changes that surpass superficial adjustments.

While flexibility can benefit some individuals, it should not be seen as a cure-all. It is more about promoting shared responsibilities, that is families sharing the burden of unpaid work so

that both spouses can pursue their careers and fulfil their potential.

Currently, female public servants receive 90 days of fully paid maternity leave while male counterparts are granted a mere seven days of paid paternity leave. Additionally, female civil servants have the option of taking up to one year of unpaid childcare leave.

Transforming these benefits into shared resources for working parents could revolutionise the landscape, mitigating the impact of childcare on women's professional paths. This shift would undoubtedly represent a significant stride towards gender equality in the workplace.

Policymakers must reconsider their approach to supporting working women in the quest for gender equality. Instead of perpetuating traditional gender roles, comprehensive policies that recognise and address the diverse needs of women in the workforce should be formulated.

Investing in childcare infrastructure, promoting gender-balanced caregiving responsibilities, and dismantling systemic barriers to women's advancement would create a more inclusive and supportive environment where all individuals have the opportunity to thrive, both professionally and personally.

HAZEL LO MOONG HUA
Kuala Lumpur

THE STAR

Tarikh: 14 MAR 2024

Health risks rise with temperature

Public told to take precautions as Malaysia braces for sweltering heatwave

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

PETALING JAYA: Health experts have advised the public to take precautions against heat-related health issues as daytime temperatures are anticipated to soar beyond 35°C in the coming weeks.

They warn that prolonged exposure to high temperatures can heighten the risk of heat-related ailments, potentially leading to severe health complications.

Malaysian Medical Association president Dr Azizan Abdul Aziz said extremely hot weather can increase the risk of dehydration and heat stroke.

"Children, people engaging in outdoor sports during the day and elderly with long-term health con-



Words of caution: Dr Azizan advised the public avoid outdoor activities while Prof Tangang says hot and dry conditions are expected to last for the next two weeks.

ditions like heart disease or diabetes, are most at risk," she said, adding that untreated heat stress can lead to heatstroke, which is a medical emergency.

"Therefore it is important to be aware of the symptoms and recognise them early. A heatstroke can lead to brain, heart, kidney and muscle damage," she said.

Dr Azizan also advised Muslims to replenish fluids whenever breaking fast, recommending drinking between six to eight glasses of water between iftar and sahur.

"Those going outdoors during the day are advised to use an umbrella and to wear thinner and light-coloured clothing.

"If possible, avoid outdoor activities between 11am to 4pm. The public should also keep themselves updated on any weather developments through official sources," she added.

According to the Centre for Disease Control and Prevention of

the United States, heat stroke, heat exhaustion, heat cramps and heat rash are heat-related illnesses.

Symptoms for heat stroke are hot, red and dry skin, headaches and dizziness, while symptoms for heat exhaustion include heavy sweating, cold, pale and clammy skin, and feeling nauseous.

Heat cramps, meanwhile, have symptoms such as heavy sweating during intense exercise while heat rash results in small clusters of blisters that look like pimples. Heat rashes are usually on the neck, chest, groin or in elbow creases.

Apart from those with existing health conditions, Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh of Universiti Kebangsaan Malaysia said the disabled, pregnant women and children, were also at risk for heat-related ailments.

"Deter children from playing long hours outside as they may come down with fever.

"Fever with heat spells also may predispose the child to further harm and heat exhaustion," she said.

She also advised parents whose children were down with fever to get medical attention as soon as possible if they were unsure what to do.

"High temperatures may damage a child's brain and certain neurological complications may occur," she said.

For those fasting, Dr Sharifa

said the recommended intake of eight glasses of water a day can be broken into a 2:4:2 ratio, where two glasses can be consumed during iftar, four through the night and two during sahur.

"Try to maintain usual food portions instead of having grand feasts for sahur," she added.

Meanwhile, climatologist and Academy of Sciences Malaysia Fellow Prof Dr Fredolin Tangang said the hot and generally dry conditions over the peninsula and Sabah are expected to last for the next two weeks.

He cited several possible factors, namely the impact of the El Nino phenomenon, which is in the weakening phase.

"This typically results in hot conditions over the entire South-East Asia region, especially over northern parts of the peninsula and Sabah," said Fredolin, who also highlighted how the spring equinox was approaching.

"With less cloud coverage due to El Nino, the amount of heat reaching and absorbed by the earth increases, thus elevating surface temperatures," he said, adding that the public was advised to pay attention to MetMalaysia's forecasts.

On Tuesday, MetMalaysia forecast dry and hot weather with temperatures exceeding 35°C in most places in the peninsula and Sabah over the coming week.

THE STAR

ikh: 14 MAR 2024

Bukan sengaja naikkan harga

84 14/3

Peniaga bazar Ramadan dakwa terpaksa berbuat demikian untuk tampung kos bahan mentah yang meningkat

SHAH ALAM

Kebanyakan peniaga bazar Ramadan terpaksa menaikkan harga jualan disebabkan kos bahan mentah yang meningkat pada masa kini.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, kebanyakan mereka terpaksa menaikkan harga makanan sekitar 50 sen sehingga RM 1 untuk menampung kenaikan kos tersebut.

Peniaga karipap dan nasi lemak, Julina Umno, 44, berkata, kos bahan mentah yang diperlukan untuk menyediakan juadah meningkat sebanyak 50 peratus berbanding tahun lepas.

Menurutnya, jika dibandingkan pada tahun lepas, sebanyak RM300 modal dikeluarkannya setiap hari, namun kini meningkat sekali ganda iaitu RM600.

"Tahun lepas saya jual karipap RM5 untuk tujuh ketul. Sekarang terpaksa jual seketul karipap dengan harga RM1, manakala nasi lemak daripada RM7 kepada RM8 sebungkus.

"Semua harga bahan mentah naik, misalnya kulit popia, kubis, cili kering, tepung dan ikan bilis. Jadi macam mana kita nak kekalkan harga asal.



Suasana di bazar Ramadan Seksyen 13, Shah Alam pada Rabu.



JULINA



NORAZLINA

"Kami peniaga terpaksa berbuat demikian demi kelangsungan perniagaan. Kalau tidak, penat sahaja, untung tiada," katanya ketika ditemui di bazar Ramadan Seksyen 13 di sini pada Rabu.

Peniaga nasi kerabu, Norazlina Mat Sah, 48, berkata, tindakan peniaga menaikkan harga bukanlah dibuat sesuka hati.

Katanya, banyak faktor diambil kira seperti kos bahan mentah, sewaan tapak dan bayaran gaji sebelum membuat keputusan untuk menaikkan harga jualan.

"Bukannya kita sengaja naikkan

harga juadah tetapi terpaksa selepas mengambil kira semua perkara. Kalau harga sama, seolah-olah kita bekerja tanpa gaji.

"Saya ambil contoh telur masin, kos untuk satu ialah RM3. Jadi tak kan saya nak jual RM1.50 satu. Mana untungnya, perlu bayar gaji pekerja lagi. Oleh itu, saya harap sangat gaji minimum rakyat Malaysia dinaikkan," jelasnya.

Sementara itu, di **SUNGAI PETANI**, Kedah, tinjauan ke atas harga enam menu juadah berbuka puasa di beberapa lokasi di negeri ini mendapati lima daripadanya masih kekal seperti tahun lalu.

Harga yang kekal ialah roti john dijual dengan harga RM7, air tebu (RM3), nasi tomato (RM6), ayam golek seekor (RM28) dan tepung pelita (RM3), manakala martabak yang dijual pada harga RM3.50 tahun lalu kini naik kepada RM5.

Di **JEMPOL**, Negeri Sembilan, kebanyakan peniaga roti john di beberapa bazar Ramadan di daerah ini mengekalkan harga seperti tahun lalu iaitu sekitar RM7 dan RM8.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.4...MAR...2024...

8H
14/3

Peniaga akui bilangan pengunjung berkurangan

TEMERLOH - Peniaga di bazar Ramadan Bukit Desa Semantan di sini mendakwa jumlah pengunjung pada hari pertama beroperasi Selasa lalu merosot berbanding tahun-tahun lepas.

Peniaga sup, Ab Rahman Md, 58, berkata, sambutan kali ini berbeza tidak semeriah dahulu.

"Sebagai peniaga, kita kena hadapi situasi ini. Bagaimanapun, saya tetap teruskan berniaga dengan mengekalkan harga seperti tahun lepas," katanya yang menjual sup gearbox sekitar RM25 hingga RM27 mengikut saiz.



HAFIZA

Peniaga air balang, Hafiza Hafizuddin, 34, berkata, banyak faktor yang menyebabkan pengunjung berkurangan tahun ini.

"Salah satu daripadanya ialah sesi persekolahan baru bermula. Ramai yang terpaksa berjimat dan tidak dapat berbelanja mewah seperti dulu," katanya sudah dua tahun meniaga di bazar tersebut.

Hafiza berkata, pada tahun ini, dia menaikkan harga RM1 bagi sebungkus air minuman kepada harga RM4 berbanding RM3 pada tahun lalu.



Suasana di Ramadan Bukit Desa Semantan, Temerloh yang didakwa tidak meriah seperti tahun dahulu.

SINAR HARIAN
Tarikh:14 MAR..2024...

Ringgit cecah paras 4.50 akhir tahun ini

10300
14/3

PETALING JAYA – Kedudukan ringgit dijangka mengukuh untuk mencapai paras 4.50/55 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) menjelang hujung tahun ini, disokong jangkaan pemotongan kadar faedah di AS dan Eropah, selain iklim pelaburan domestik yang bertambah mantap.

Ketua Penyelidik Rakuten Trade, Kenny Yee berkata, kadar ringgit semasa tidak benar-benar mencerminkan persekitaran negara yang semakin baik.

"Akan ada pemotongan kadar faedah tahun ini, kerana saya tidak menjangkakan AS mampu bertahan dalam suasana kadar faedah tinggi untuk tempoh sembilan bulan lagi.

"Terdapat beberapa bank di sana yang dilihat telah mula berdepan masalah.

"Situasi ini positif kepada kedudukan mata wang serantau, dolar AS akan melemah dan ia menjadi faktor utama yang akan menyokong jangkaan pengukuhan ringgit.

"Selain itu, terdapat semakin banyak pelaburan langsung asing masuk ke dalam negara, termasuk dari negara jiran, Singapura bagi penubuhan pusat data dan



KENNY YEE

sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar berhubung urusan pasaran bagi suku tahun kedua 2024 yang diadakan secara online semalam.

Yee turut menzahirkan kekhawatirannya berhubung potensi kegawatan ekonomi di AS, disebabkan kedudukan hutangnya yang tinggi berjumlah AS\$34 trilion (RM159.21 trilion), selain kemungkinan berlakunya krisis kewangan pada sesetengah bank bersaiz lebih kecil di sana.

“

Saya tidak menjangkakan AS mampu bertahan dalam suasana kadar faedah tinggi untuk tempoh sembilan bulan lagi. Terdapat beberapa bank di sana yang dilihat telah mula berdepan masalah.”

KENNY YEE

Beliau menyifatkan kedua-dua faktor itu berisiko menjadi bom jangka yang perlu ditangani segera sebelum meletup.

Sementara itu, Yee turut menjangkakan petunjuk utama Bursa Malaysia, FBM KLCI berkemungkinan mencecah 1,660 mata menjelang akhir 2024 berdasarkan 15.5 kali PER (kadar harga berbanding pendapatan) berasaskan pertumbuhan pendapatan 16 peratus.

"Sekiranya aliran masuk dana kembali normal dan stabil, kita mungkin melihat indeks melepasi 1,700 mata, berdasarkan PER hanya 16 kali," ujarnya.



PENGUKUHAN ringgit berbanding dolar dipengaruhi oleh faktor luaran khususnya daripada krisis turun naik kadar faedah di AS dan Eropah. – GAMBAR HIASAN

KOSMO

Tarikh: **14 MAR 2024**

Oleh Sri Ayu Kartika
Amri
kartika@mediapi-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Pengguna dijangka membeli-belah sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini dalam penuh kesederhanaan dengan faktor harga menjadi pendorong utama untuk mereka berbelanja.

la berdasarkan kaji selidik oleh syarikat perunding penjenamaan dan penerbitan kandungan strategik korporat yang memberi tumpuan terhadap strategi penceritaan lestari, Modachi Sdn Bhd (Modachi).

Ketua Pegawai Eksekutif Modachi, Faizal Zakaria berkata, 92 peratus responden memberi keutamaan terhadap harga sebelum melihat kepada kualiti (80 peratus), manakala 74 peratus lagi mencari promosi harga murah sebagai pendorong utama berbelanja.

"Ada pengguna akan melihat kepada produk berjenama terkenal (46 peratus) namun ia menjadi faktor keempat dalam membuat keputusan berbanding godaan promosi jualan murah.

"Hanya 22.6 peratus menjelaskan mereka setia terhadap jenama pilihan yang mereka gunakan sebelum ini.

"Peratusan tinggi terhadap keutamaan harga ini menyaksikan orang ramai akan kembali membeli-belah secara dalam talian (62.5 peratus), berbanding 37.5 peratus mengakui selesai untuk berurusan dengan kedai fizikal," katanya dalam kenyataan.

Hampir sepertiga responden (28.6 peratus) menyatakan mereka akan ber-



SEBANYAK 70.6 peratus responden menyatakan mereka akan mengikut kemampuan masing-masing dan 'apa yang ada' sahaja.

PERBELANJAAN SEMPENA AIDILFITRI

92% UTAMAKAN HARGA SEBELUM LIHAT KUALITI

Hm
14/3

belanja bawah RM1,000 untuk sambutan hari raya sebelum ini, manakala hampir suku responden atau 24 peratus akan berbelanja bawah RM5,000.

Ketika diminta untuk menjelaskan bagaimana mereka akan meraikan hari raya pada tahun hadapan, 84.4 peratus menyatakan Aidilfitri akan disambut dengan berbusana baharu.

Menurutnya, responden juga menyatakan, mereka akan meneruskan tradisi

berkunjung ke rumah-rakan, mahupun keluarga terdekat dan sudah pasti, juadah tradisi tetap akan diteruskan.

Berhubung pertembungan Aidilfitri yang didahului pembukaan penggal baharu persekolahan 2024, lebih 51 peratus responden menjelaskan mereka akan membuat pembelian hari raya, lebih

awal.

"Walaupun responden menyatakan mula berbelanja awal, sebanyak 70.6 peratus responden menyatakan mereka akan mengikut kemampuan masing-masing dan 'apa yang ada' sahaja.

"Bagi sebahagian lagi, responden menyatakan sumber perbelanjaan mereka akan

banyak ditentukan oleh jumlah simpanan yang dibuat secara berkala, manakala 25.6 peratus mahu menggunakan 'bonus dan dividen'," katanya.

Faizal berkata, kaji selidik secara rawak mudah dalam talian membabitkan 359 orang itu mendapati hanya separuh mahu berbelanja secara dalam talian kerana berpendapat harga yang ditawarkan lebih murah (40.2 peratus), berbanding kedai fizikal.

Hampir sepertiga responden menyatakan mereka akan berbelanja bawah RM1k

HARIAN METRO
14 MAR 2024

MTUC desak segera umum kadar gaji minimum baharu

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mendesak kerajaan mengumumkan kadar gaji minimum baharu selepas genap dua tahun dan berhenti memberi alasan kajian sedang dijalankan.

Setiausaha Agung MTUC, Kamarul Baharin Mansor, berkata pihaknya mengambil maklum bahawa kenaikan kadar baharu adalah tertakluk kepada pandangan daripada jawatankuasa teknikal Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN).

Namun, beliau berkata, sama ada jawatankuasa itu sudah membuat kajian atau sebaliknya, ia tertakluk kepada arahan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

"Saya yakin sudah semestinya perkara ini sudah dijalankan bagi kepentingan pekerja Malaysia.

"Namun, MTUC tidak mahu perkara sama berulang lagi sebagaimana ketika pentadbiran kerajaan lalu yang mengumumkan kadar gaji minimum melebihi tempoh dua tahun.

"Pekerja menanti penuh harapan supaya kerajaan proaktif untuk mematuhi Akta MPGN kerana kelewatan pengumuman bermakna kegagalan yang tidak dapat dimaafkan oleh pekerja," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Beliau sekali gus menyifatkan kelewatan mengumumkan kadar gaji minimum yang baharu sebagai satu pengabaian terhadap pekerja Malaysia.

Katanya, perintah gaji minimum RM1,500 yang dikuatkuasakan pada 1 Mei 2022, akan genap dua tahun tidak lama lagi.

"Akta 732 menetapkan MPGN hendaklah sekurang-kurangnya sekali dalam setiap dua tahun, mengkaji semula perintah gaji minimum bagi menentukan kadar baharu selaras dengan peningkatan kos sara hidup terkini," katanya.

Kamarul Baharin berkata, laporan dibuat Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2018 mendapati gaji untuk kehidupan wajar bagi individu bujang ialah RM2,700, pasangan tanpa anak (RM4,500) dan pasangan dengan dua anak (RM6,500).

"Oleh itu, kewajaran mengkaji kadar gaji minimum adalah mendesak kerana kesan kenaikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST), air, elektrik dan kos barangan keperluan yang menghambat golongan pekerja.

"Malah dengan adanya kenaikan kadar gaji minimum, ia juga dapat membantu membina simpanan persaraan yang mencukupi," katanya.

BERITA HARIAN
14 MAR 2024
Tarikh.....

Rombakan skim pencen elak ledakan perbelanjaan negara



Ketua Penolong Pengarah Unit M-LEAP dan E-LEAP, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Oleh Farah Shazwani Mohd Taib
bhrencana@bh.com.my

Sejak kebelakangan ini hangat dibincangkan isu pemansuhan pencen kepada penjawat awam bermula lantikan Februari 2024. Hal ini menyebabkan kegusaran rakyat terutama lepasan graduan dan pencari kerja berhasrat bekerja dalam sektor kerajaan.

Pemansuhan pencen ini dilihat tidak menyelesaikan masalah dalam jangka masa pendek kerana rata-rata lantikan baharu ini hanya akan bersara 30 hingga 40 tahun lagi walhal bebanan sedia ada ini perlu diperhalusi.

Dipetik daripada Perbelanjaan Persekutuan 2023, jumlah tanggungan kerajaan bagi pembayaran pencen pada 2023 berjumlah RM31.7 bilion, hampir 10 peratus daripada jumlah perbelanjaan negara sebanyak RM388 bilion.

Nilai ini dijangka meningkat sebanyak RM47 bilion pada tahun ini dan terus meningkat sehingga RM120 bilion menjelang 2040. Fakta ini semestinya sesuatu yang tidak boleh dipandang enteng kerajaan dan rakyat kerana ia membabitkan beban negara.

Sejak 1980-an, kerajaan membelanjakan berbilion ringgit untuk menampung kos bayaran pencen dan faedah persaraan kepada pesara dan jumlah ini semakin meningkat tahun ke tahun didorong pertambahan bilangan pesara dan jangka hayat semakin bertambah, persaraan pilihan, penjawat awam meninggal dunia dalam perkhidmatan dan lain-lain. Terkini dianggarkan jumlah pesara kerajaan berjumlah 900,000 orang dengan penamba-

han 32,000 pesara baharu direkodkan setiap tahun.

Oleh itu, rombakan pada skim pencen perlu dibuat mengikut keadaan semasa meskipun ia langka tidak popular demi kemaslahatan negara dan mengelakkan ledakan perbelanjaan negara pada masa akan datang.

Cadangan rombakan skim pencen

Dalam hal ini, penulis mengemukakan beberapa cadangan bagi rombakan skim pencen:

- Pertama, tempoh pembayaran pencen terbitan perlu dibuat bagi sesuatu tempoh sementara kepada balu dan anak-anak selepas kematian pesara bagi membantu menyesuaikan mereka dengan keadaan ekonomi bukan sepanjang hayat.

- Kedua, bagi perkahwinan selepas persaraan, balu tidak layak menerima pencen terbitan ini, dapat mengelakkan salah guna dan pertikaian berkenaan pencen terbitan ahli keluarga simati.

- Ketiga, jumlah peratusan pencen perlu dirombak berdasarkan gred terakhir penjawat awam daripada 40 hingga maksimum 60 peratus bagi kaitangan sokongan yang rata-ratanya berpendapatan di bawah garis kemiskinan.

- Keempat, tempoh perkhidmatan bagi melayakkan penjawat awam menerima pencen harus dinaikkan dari 10 ke 25 tahun termasuk ahli dan lantikan politik.

Ini dapat mengelakkan penjawat awam menyalahgunakan kemasukan dalam perkhidmatan awam semata-mata untuk menerima pencen.

- Kelima, kelayakan masuk ke dalam sektor awam perlu dinaikkan dari segi akademik dan bagi semua gred demi memastikan calon terbaik dipilih dengan menekankan kualiti berbanding kuantiti.

Dalam keadaan mencabar ini, kerajaan boleh mempertimbangkan caruman di bawah Kumpulan Wang Amanah Pencen dikendalikan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) kepada semua penjawat awam termasuk pegawai awam Persekutuan seperti Pihak Berkuasa Berkanun dan Kerajaan Tempatan dengan caruman 17.5 peratus sebagai 'caruman majikan'.

Caruman ini akan dilaburkan di pasaran tempatan dan global dengan dividen kompetitif kepada setiap pencarum bagi memastikan kelestarian jumlah tabungan pencen pesara pada masa hadapan.

Justeru, mengikut keadaan semasa, pencen tidak boleh dianggap sebagai hak dan keistimewaan lagi bagi penjawat awam dan pelaksanaannya perlu sejajar perkembangan semasa serta ekonomi negara.

“Mengikut keadaan semasa, pencen tidak boleh dianggap hak dan keistimewaan lagi bagi penjawat awam dan pelaksanaannya perlu sejajar dengan perkembangan semasa serta ekonomi negara”

BERITA HARIAN
Tarikh.....1..4..MAR..2024.....

800,000 pengunjung bakal serbu Festival Ramadan Putrajaya

UM 14/3

PUTRAJAYA: Penganjuran Festival Ramadan Putrajaya 2024 (FRP 2024) menasarkankan kedatangan 800,000 pengunjung ke acara itu di beberapa lokasi di Pusat Pentadbiran Kerajaan itu.

Unjuran pengunjung itu berdasarkan enam komponen penganjuran festival berkenaan dengan paling utama mengekalkan acara tradisi Bazar Ramadan yang menghimpunkan 1,000 jenis menu ditawarkan 700 peniaga di lima tapak lokasi terpilih.

Lima lokasi itu ialah tapak utama di Presint 3 (285 tapak niaga), Presint 9 (50 tapak), Presint 11 (100 tapak), Presint 14 (135 tapak) dan Presint 16 (120 tapak).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud berkata, pengunjung juga berpeliuang ke tapak Anjung Syawal iaitu



ORANG ramai mendapatkan juadah berbuka puasa di Bazar Ramadan Putrajaya Presint 3, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

antara bazar Aidilfitri terbesar di Lembah Kelang dengan penyer-taan lebih 250 peniaga.

"Port baharu 'healing station' (Khemah lutsinar dan berlampu)

disediakan di kawasan Anjung Syawal untuk pengunjung ber-buka puasa.

"Sejumlah 20 lot niaga juadah berbuka turut disediakan di sepan-

jang Kiblat Walk dan Laman Iftar dengan kemudahan kerusi meja berkonsep kafe luaran di perkarangan Kompleks Perbadanan Putrajaya (Ppj)," katanya di sini semalam.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1.4. MAR 2024.....

■ BY JOSHUA PURUSHOTMAN
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Selangor has signed bilateral agreements with the Czech Republic and the Republic of Estonia as part of its move to draw more European tourists to the country.

The agreements were signed in Germany on the sidelines of the week-long Internationale Tourismus Borse (ITB) Berlin 2024 trade fair, which was held recently. Tourism Selangor CEO Azrul Shah Mohamad said the event was led by Tourism Malaysia, with the Malaysian Association of Tour and Travel Agents (Matta) and Tourism Selangor as part of the delegation.

"The six-day event gathered over 10,000 key tourism players from 185 countries out of 195 and welcomed more than 120,000 visitors. ITB served as an excellent opportunity for us to promote Selangor as a tourist destination."

Azrul said Selangor drew the most number of tourists from Europe in 2022 at 94,264. The figure is an increase of 58.1% from 59,641 in 2021.

"In 2022, Selangor received 10,819 tourists from Germany, the second highest of 20,639 from the UK."

He said in line with the mission of sustainable tourism, selected

Selangor inks deal to draw European tourists

➤ Agreements signed with Czech Republic, Estonia to facilitate seven million arrivals in 2025

local municipal councils showcased sustainable tourism attractions to key industry players, travel agents and potential buyers, including the *Mah Meri* culture in Kuala Langat, Kampung Kuantan Fireflies Park in Kuala Selangor and sustainable events such as stargazing, Wings of Kuala Kubu Bharu and the Mountain Bike Challenge in Hulu Selangor.

"European tourists typically spend an average of nine days in Selangor on business or family vacations. We are now aiming for a substantial increase in tourist arrivals during Visit Selangor Year in 2025, and are targeting to welcome two million international tourists by next year."

During ITB, Tourism Selangor

seized the opportunity to showcase iconic tourism products such as the Gombak Hulu Langat Geopark, *Mah Meri* culture, SplashMania Water Theme Park, Sky Mirror and places of interest in Sekinchan. Selangor's offerings focus on ecotourism, gastronomy (food tourism), theme park attractions, beaches and resorts.

Azrul said the state government represented by Tourism Selangor also signed a Memorandum of Collaboration with the Association of Tour Operators and Travel Agents of the Czech Republic (Atotacr), the Estonian Travel and Tourism Association (Etta) and global destination management company Discova. The signing ceremony was witnessed by Malaysian

ambassador to Germany Datin Paduka Dr Adina Kamarudin and Matta president Nigel Wong.

Azrul said the collaboration between affiliated entities and travel associations would be further strengthened through a business-to-business meeting facilitated by Matta. He said the meetings will bring together industry players from Atotacr, Etta, Lufthansa City Centre, the Dutch Association of Travel Agents and Tour Operators and the European Travel Agents and Tour Operators Association.

"The partnerships will set the stage for a series of cross-promotional trips to Selangor and the development of travel packages for the targeted markets. Through this, we aim to surpass the target of attracting over seven million tourists by Visit Selangor Year. The six-day mission in Berlin aligns with the international tourism campaign 'Splendid Selangor, Take Me Anywhere!'"

THE SUN
14 MAR 2024

Tarikh: